

♥11/02/16-58MST  
R GB 11-02 00145 BB975  
REPEAT BAH  
Parlimen - Mahathir

KUALA LUMPUR, 11 Feb (Bernama) -- Ramai anggota parti pembangkang, terutama daripada DAP dan PAS, boleh ditangkap kerana membangkitkan isu-isu keagamaan dan perkauman ketika pilihan raya umum yang lepas, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Walau bagaimanapun, kerajaan tidak bertindak menangkap mereka kerana isu-isu yang ditimbulkan tidak sampai tahap yang membahayakan, katanya, ketika menjawab pertanyaan tambahan daripada Encik Lim Kit Siang (DAP-Tanjung) di Dewan Rakyat.

Katanya, penilaian mengenai kejadian dibuat oleh polis yang kemudian memberi nasihat kepada menteri untuk mengambil tindakan mengikut kuasa yang diberikan.

Datuk Seri Dr Mahathir juga membidas sikap pihak pembangkang yang menganggap seorang bekas menteri sebagai Malaikat setelah menyertai mereka dan menyifatkannya sebagai syaitan ketika menteri berkenaan berada di dalam kerajaan.

Ini, katanya, menunjukkan pihak pembangkang juga bersikap +pilih kasih.+ -- Lagi

♥11/02/17-07MST  
U GB 11-02 00179 BB976  
BAH

Parlimen - Mahathir 2 Kuala Lumpur

Perdana Menteri sebelum itu berkata beliau memaafkan Encik Lim yang cuba mengambil kesempatan dengan membuat ucapan ketika bertanya mengenai dakwaannya kononnya ramai pemimpin Barisan Nasional membangkitkan isu-isu perkauman dan agama terutama pada peringkat terakhir pilihan raya umum yang lalu.

Datuk Seri Dr Mahathir juga berkata bahawa operasi Lalang yang dijalankan pada Okt dan Nov 1987 yang membabitkan penangkapan 14 orang pemimpin parti komponen BN disebabkan keadaan ketegangan yang ketara hingga ada kira-kira 20,000 orang yang lari ke Singapura dan ramai yang membeli barang-barang kerana takutkan rusuhan.

Perdana Menteri berkata kerajaan tidak akan bertolak ansur dalam perkara-perkara yang boleh menimbulkan ancaman dan mengganggu-gugat kestabilan, ketenteraman awam dan keselamatan negara.

Dalam hubungan itu, kerajaan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana pihak mengikut undang-undang, katanya ketika menjawab pertanyaan asal daripada Haji Buniyamin Yaakub (PAS-Bachok).

Menurutnya, kerajaan sentiasa memberi perhatian terhadap usaha memelihara keamanan dan kestabilan dalam negara kerana ia merupakan kunci kepada kemajuan pembangunan negara dalam semua kehidupan rakyat. -- Lagi

♥11/02/16-46MST

CNS9568

U GB 11-02 00186 BB977

BAH

Parlimen - Mahathir 3 Kuala Lumpur

Datuk Seri Dr Mahathir berkata kerajaan sentiasa berwaspada dan memberi perhatian supaya tidak ada perkara-perkara yang boleh menjejaskan dan mengancam keamanan dan keharmonian di negara ini.

Menurutnya, kerajaan akan terus bersikap tegas bagi memastikan bahawa langkah-langkah yang perlu daripada sisi undang-undang diambil demi memelihara ketenteraman awam dan keselamatan negara serta untuk menjaga kesejahteraan kehidupan rakyat.

Atas dasar itu, tidak timbul soal untuk memulakan penyiasatan atau membentangkan laporan di dalam persidangan Dewan Rakyat mengenai dakwaan Haji Buniyamin yang mengatakan kononnya ada pemimpin parti komponen yang membangkitkan isu-isu keagamaan dan perkauman ketika pilihan raya umum lalu.

Perdana Menteri berkata kita tidak dapat mengelakkan keadaan yang ada kalanya isu-isu keagamaan dan perkauman akan ditimbulkan dalam negara seperti Malaysia yang mempunyai masyarakat berbilang kaum, agama dan kebudayaan.

Yang menjadi masalah utama ialah isu-isu sensitif bercorak perkauman yang telah diambil kesempatan dan dieksploitasikan secara sewenang-wenangnya oleh pihak-pihak berkenaan yang begitu ghairah tanpa menghiraukan kesannya ke atas keharmonian kaum dan ketenteraman awam sehingga membawa kepada suasana dan keadaan yang amat genting, katanya. --  
Lagi

♥11/02/16-47MST

CNS9571

U GB 11-02 00057 BB978

BAH

Parlimen - Mahathir 4 Kuala Lumpur

Datuk Seri Dr Mahathir berkata bahawa besar kemungkinan akan tercetus keadaan huru-hara yang akan menjejaskan kehidupan awam sekiranya kerajaan tidak mengambil tindakan awal dan tegas untuk meredakan suasana.

Ini, tambahnya, juga kemungkinan boleh melibatkan pertumpahan darah dan kerosakan harta benda. -- Bernama